

Idea kenegaraan Onn relevan sepanjang zaman

BH- 7/12/2006

Oleh Jamhariah Jaafar

TAHUN depan, Malaysia memasuki usia 50 tahun, manakala parti tonggak Melayu - Umno berusia 60 tahun, tetapi masih banyak perkara dan perjuangan Melayu tidak boleh diluahkan secara ikhlas dan terbuka berikutan ia sering mencetus persepsi yang dianggap perkauman.

Justeru, keputusan Badan Perhubungan Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor, mengadakan persidangan yang mengumpul pakar sejarah semua kaum di negara, berbincang mengenai pengasas Umno dan pejuang kemerdekaan Datuk Onn Jaafar, perlu diberi pujian kerana berjaya membawa kembali rakyat negara ini mengimbu asal usul Tanah Melayu yang akhirnya menerima pelbagai bangsa lain menjadi warga negara ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Abdul Ghani Othman, yang meluangkan masa selama tiga hari mengikuti perbincangan yang memang membuka mata generasi muda Malaysia ini, menegaskan bukan niatnya untuk bersifat perkauman, namun perjuangan untuk terus memartabatkan bangsa Melayu tidak berhenti hanya kerana negara ini dihuni pelbagai kaum.

Katanya, pemilihan Onn amat tepat kerana ramai rakyat negara ini, terutama generasi muda, menganggap Onn gagal dalam perjuangan politiknya, hanya kerana beliau memilih untuk tidak terus memimpin Umno, seperti penggantinya Allahyarham Tunku Abdul Rahman.

"Umno Johor mengangkat Datuk Onn sebagai tokoh yang perlu diberikan tempat sewajarnya sempena 60 tahun usia parti orang Melayu ini, kerana baktinya sebagai pelopor perjuangan kemerdekaan.

"Datuk Onn bukan teraju negara apabila tanah air ini merdeka pada 1957, tetapi beliau meninggalkan pengaruh dan pemikirannya sebagai warisan kepada bangsa. Peninggalan beliau mungkin tidak jelas dan tidak konkrit kerana tidak mewariskan puaka yang berbentuk kebendaan yang dapat kita lihat dengan mata kasar.

Namun, warisannya amat berharga dan tidak ternilai kerana beliau meninggalkan idea kepemimpinan dan inti perjuangan yang terus relevan menjadi ikutan dan petunjuk kepada generasi demi generasi selapasnya," katanya.

Sama ada disedari atau tidak warisan perjuangan Onn masih menjadi teras dan menjadi paksi yang menentukan hala tuju perjuangan bangsa Melayu.

Lebih 300 peserta yang hadir pada persidangan yang mengetengahkan nama besar seperti Prof Datuk Dr Ramlah Adam, Prof Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, Prof Dr Awang Sariyan, Prof Datuk Dr Zainal Kling mengemukakan pandangan, perde-

“Laungan perjuangan Hidup Melayu dicetuskan sejak 60 tahun lalu, tidak sekadar satu slogan, tetapi sarat dengan isi perjuangan bangsa Melayu”

Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor

batan, pendapat dan cerita yang tidak diketahui sejarah umum.

Kehadiran anak Onn, Datuk Jaafar Onn, yang berusia lebih 70 tahun, tetapi pengkisahannya bermula sejak pejuang itu lahir, zaman kecilnya, menjadi pengiring anak raja untuk belajar di England, tindakannya berhenti kerja, dibuang negeri, menjadi wartawan, diceritakan dengan begitu semangat dan penuh kasih sayang, membayangkan didikan dicurahkan Onn dan isterinya, Datin Halimah.

Cerita Onn wajar dijadikan teladan oleh pemimpin generasi muda yang kini berkiptakan material. Pejuang ini yang dianggap sahabat British dan antara individu pertama membuka pintu kepada bangsa lain, berjuang mengikut kata hati yang ikhlas dan tegas dengan pendirian.

Dia tidak takut dikritik, malahan tidak teragak-agak untuk melepaskan kedudukannya sebagai Yang Dipertua Umno dan mencari sendiri pengganti kepemimpinan Umno sebelum melepaskan jawatan, membuka parti baru yang dianggap boleh menyatukan pelbagai kaum, tetapi pada masa sama meletakkan bangsa Melayu pada per-sada tertinggi.

"Walaupun Datuk Onn dalam sejarah politiknya keluar dari Umno dan pernah menubuhkan dua parti lain dan menjadi pembangkang dalam dewan perwakilannya, tetapi inti perjuangannya terpahat dengan teguh dalam parti Umno dan bangsa Melayu.

"Laungan perjuangan Hidup Melayu yang dicetuskan 60 tahun lalu, tidak sekadar satu slogan, tetapi sarat dengan isi perjuangan bangsa Melayu membela kedudukan raja, agama, bahasa, kebudayaan, pendidikan, ekonomi dan hak istimewa

orang Melayu," kata Menteri Besar Johor.

Ghani yang pernah dituduh bersikap perkauman kerana menepis tindakan untuk membentuk satu bangsa Malaysia, menegaskan Onn adalah pemimpin pertama mengetengahkan isu kenegaraan.

"Isu kenegaraan Datuk Onn itu menjadi teras dalam perjuangan Umno dan orang Melayu. Datuk Onn mengetuai pasukan orang Melayu memastikan Raja-Raja Melayu, agama Islam, bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu menjadi dasarnya.

"Inilah semangat kebangsaan Melayu yang tulen dan idea penentu kepada pembentukan negara bangsa di Malaysia ini," tegasnya.

Ghani turut menolak tanggapan bahasa beliau bersifat perkauman, kerana sejak daripada kecil dia hidup dalam keadaan dan suasana yang bersifat pelbagai kaum.

Beliau amat riang ketika menceritakan zaman persekolahannya di Muar, dengan kelasnya terdiri daripada pelbagai bangsa dan guru kesayangannya, Puan Nayar sehingga hari ini apabila bertemu akan meluknya.

"Bagi saya, perjuangan untuk bangsa Melayu perlu diteruskan kerana saya ingin memastikan bangsa saya terus menerima keadilan di negara sini. Tiada mana-mana kaum boleh menafikan bahawa gelanggang negara ini masih belum cukup rata, terutama bagi bangsa Melayu.

"Dan perlu diingat semua perjuangan saya mengenai bangsa Melayu ini bersandarkan kepada Perlembagaan. Oleh itu, kita orang Melayu, malah bukan Melayu sekalipun, mengakui idea kenegaraan Datuk Onn itu, bukan saja memulakan langkah pertama, malah akan terus kita warisi sebagai sebuah negara bangsa," katanya.